

Tinjauan Buku

Linguistik Bandingan Bahasa Miriek

Siti Hajar Mohammed, Rahim Aman & Shahidi A. H.

Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024, 221 halaman,
ISBN 978-629-486-237-1

Buku yang berjudul *Linguistik Bandingan Bahasa Miriek* (2024) ini, merupakan hasil penelitian ilmiah Siti Hajar Mohammed, Rahim Aman dan Shahidi A. H., mengenai bahasa Miriek. Dalam buku ini, kewujudan bahasa Miriek dibahas dari perspektif linguistik bandingan atau linguistik sejarawi (*historical linguistics*), iaitu satu bidang ilmu yang mengkaji kewujudan bentuk-bentuk purba sesebuah bahasa. Dengan berpandukan pendekatan linguistik bandingan, buku ini menjejaki kewujudan bahasa Miriek purba yang dianggap sebagai bahasa induk yang melahirkan varian-varian bahasa Miriek pada masa kini. Sehubungan itu, perbincangan dalam buku ini terbahagi kepada enam bab yang memfokuskan bahasa Miriek dalam konteks bidang kajian linguistik bandingan, latar belakang bahasa Miriek, deskripsi fonologi bahasa Miriek, rekonstruksi aspek fonem dan leksikal bahasa Miriek, dan akhir sekali klasifikasi ke atas bahasa Miriek.

Secara khusus bab satu buku ini memperkenalkan konsep-konsep penting ilmu linguistik bandingan, yang menjadi tunjang dalam penyelidikan bahasa Miriek. Menurut penulis, matlamat utama ilmu linguistik bandingan atau linguistik sejarawi adalah untuk menjelaskan secara empirik bentuk-bentuk purba sesebuah bahasa, menerusi kaedah perbandingan terhadap ciri-ciri linguistik seperti sebutan, leksikal mahupun tatabahasa. Dengan mengetahui bentuk purba atau bentuk tua sesebuah bahasa itu, maka ahli-ahli linguistik bandingan akan dapat mengemukakan kewujudan satu “bahasa hipotesis”, yang dianggap sebagai bahasa induk yang menurunkan varian-varian bahasa tersebut. Dengan kata lain, bentuk purba sesebuah bahasa itu menjadi petunjuk linguistik penting, yang dapat menjelaskan asal-usul, susur galur mahupun tingkat kekerabatan bahasa itu dengan variannya, mahupun bahasa lain yang serumpun dengannya. Rekonstruksi dan klasifikasi merupakan dua kaedah utama dalam ilmu linguistik bandingan, yang perlu dilaksanakan apabila ingin mengkaji bentuk purba sesebuah bahasa. Kaedah rekonstruksi dilakukan ke atas data sesebuah bahasa yang wujud pada masa kini, bagi mendapatkan maklumat ciri atau bentuk-bentuk purba bahasa tersebut. Hasil daripada proses rekonstruksi, ciri-ciri perubahan (inovasi) dan pengekal (retensi) dalam bahasa tersebut dapat dikenal pasti, bagi membolehkan kaedah klasifikasi dilakukan, yang bertujuan untuk menentukan kedudukan bahasa tersebut dalam kelompok bahasa yang tertentu. Justeru dalam konteks penyelidikan ke atas bahasa Miriek, penulis menekankan pentingnya pendekatan ilmu linguistik bandingan ini digunakan untuk memperoleh bentuk-bentuk purba bahasa Miriek.

Selanjutnya bab dua buku ini menyelusuri latar belakang bahasa Miriek. Menurut penulis, bahasa Miriek tergolong dalam rumpun Austronesia yang dituturkan oleh kelompok etnik bumiputra yang menetap di sekitar kawasan Miri, Sarawak. Penelitian linguistik yang terawal ke atas bahasa Miriek dan variannya telah diusahakan sejak tahun 1970-an lagi, oleh beberapa sarjana Barat misalnya Blust (1972 & 1978), Hudson, (1978), Santher (1979), Martin (1989 dan Kroger (1998). Manakala sarjana tempatan yang turut meneliti bahasa Miriek, antaranya Jailahi (1979), Zainah (1979 & 1988), Bibi Aminah dan Redzuan (1978 & 1993) dan

lain-lain. Penelitian awal tersebut, antara lain memfokuskan perbincangan tentang aspek fonologi bahasa Miriek, pengelasan bahasa Miriek berdasarkan kelompok kawasan fizikal di Sarawak, menyelidik ciri-ciri demografi dan identiti etnik penutur bahasa Miriek, meninjau isu-isu sosiolinguistik seperti pengekalan bahasa dan peralihan bahasa Miriek serta mengkaji peranan pertubuhan budaya dan etnik penutur bahasa Miriek. Satu aspek yang didapati masih lompong dalam kajian-kajian awal tersebut, iaitu belum ada kajian perbandingan empirik ke atas varian bahasa Miriek, yang berasaskan kepada kaedah rekonstruksi dan klasifikasi. Dengan kata lain, penjejakan tentang kewujudan bahasa Miriek purba juga belum dilakukan oleh para linguist yang terdahulu. Justeru menurut penulis, penelitian bahasa Miriek dengan menggunakan pendekatan linguistik bandingan, adalah wajar dilaksanakan bagi melengkapkan lagi pendeskripsian ke atas bahasa peribumi ini.

Dalam kajian linguistik bandingan, pendeskripsian ciri-ciri fonologi sesebuah bahasa itu adalah langkah pertama yang perlu dilakukan sebelum kaedah rekonstruksi dan klasifikasi dilaksanakan untuk mendapatkan bentuk purba bahasa tersebut. Sehubungan itu dalam bab tiga buku ini, penulis menghuraikan ciri-ciri fonologi lima varian bahasa Miriek, iaitu (1) varian Bakam, (2) varian Dalek, (3) varian Bakong, (4) varian Narom dan (5) varian Kiput. Data fonologi bagi kelima-lima varian ini diperoleh menerusi penyelidikan lapangan yang dijalankan di lima lokasi kampung yang berlainan di sekitar Miri, Sarawak. Penulis menjelaskan ciri-ciri fonologi varian Miriek ini, yang meliputi inventori dan penyebaran sistem fonem vokal, fonem diftong dan juga konsonan. Kewujudan setiap jenis fonem dalam varian-varian tersebut, ditunjukkan kedudukannya sama ada berada di posisi awal kata, tengah kata mahupun di kedudukan akhir suatu perkataan. Penelitian terhadap sistem fonologi ini penting untuk menunjukkan perbandingan bunyi bahasa antara varian-varian dalam bahasa Miriek. Seperti yang dibincangkan oleh penulis dalam bab awal buku ini, usaha merekonstruksi bentuk purba sesebuah bahasa itu, merupakan matlamat utama dalam disiplin ilmu linguistik bandingan. Justeru dalam bab empat buku ini, penulisnya memfokuskan perbincangan tentang rekonstruksi fonem bahasa Miriek purba. Dalam hal ini, kaedah rekonstruksi dalaman (*internal reconstructions*) dilakukan ke atas data bahasa Miriek yang wujud pada masa kini, untuk mendapatkan ciri ataupun bentuk-bentuk purba bahasa tersebut. Kaedah rekonstruksi dalaman yang melibatkan fonem vokal, diftong dan konsonan, telah dilakukan ke atas varian Bakam, varian Dalek, varian Bakong, varian Narom dan varian Kiput. Maklumat seperti jumlah fonem vokal, inventornya serta distribusi setiap fonem tersebut sama ada di posisi awal, tengah mahupun akhir perkataan dijelaskan dalam bab ini. Hasil daripada rekonstruksi terhadap kelima-lima varian Miriek tersebut, penulis menyimpulkan bahawa bahasa Miriek Purba yang dianggap sebagai induk kepada bahasa Miriek, memiliki lima fonem vokal purba, lima fonem diftong purba dan 18 fonem konsonan purba.

Selanjutnya rekonstruksi terhadap leksikal bahasa Miriek purba dibincangkan menerusi bab lima buku ini. Penulis menjelaskan bahawa sejumlah leksikal daripada varian-varian bahasa Miriek, direkonstruksikan berdasarkan kaedah Crowley (1992), iaitu menentukan perkataan-perkataan yang berkognat daripada varian-varian bahasa Miriek yang dibandingkan. Leksikal yang dipilih untuk proses rekonstruksi tersebut, terdiri daripada kosa kata dasar yang berkaitan waktu, bilangan, warna, alam sekitar, haiwan, anggota tubuh badan, kata ganti nama dan kekerabatan serta peralatan kelengkapan rumahtangga. Hasil rekonstruksi leksikal tersebut menunjukkan bahawa sesetengah varian Miriek mewarisi leksikal secara langsung daripada bahasa purbanya. Walau bagaimanapun menurut penulis, terdapat sesetengah leksikal varian Miriek ini yang memperlihatkan ciri perubahan atau inovasi yang bersifat tidak teratur daripada

bentuk purbanya, khususnya dari aspek bunyi. Keseluruhannya, kaedah rekonstruksi leksikal ini adalah pelengkap kepada rekonstruksi fonem ke atas varian-varian bahasa Miriek, dan seterusnya mengukuhkan lagi kewujudan bahasa Miriek purba sebagai satu bahasa yang mempunyai himpunan leksikalnya yang tersendiri.

Bab terakhir buku ini mengutarakan satu lagi bahagian penting dalam penelitian bahasa Miriek. Menurut penulis, klasifikasi merupakan tugas kedua selepas melakukan rekonstruksi fonem bahasa Miriek. Klasifikasi bertujuan untuk mengelompokkan sesebuah bahasa yang berkerabat berdasarkan kadar kekerabatan yang tertentu yang dinilai menerusi elemen (i) “retensi” yang menunjukkan berlakunya pengekalan ciri linguistik yang tertentu dalam bahasa dan (ii) “inovasi” yang mencerminkan berlakunya perubahan dalam aspek linguistik dalam bahasa. Hasil penyelidikan ke atas data-data varian Miriek dan bahasa Miriek purba, didapati bahawa kelima-lima varian bahasa Miriek tersebut, berasal dari satu bahasa yang sama, yang terbukti menerusi ciri-ciri retensi bersama. Walau bagaimanapun hasil penyelidikan penulis, turut menunjukkan bahawa berlaku 30 jenis inovasi fonologi dan 16 jenis inovasi leksikal antara varian-varian bahasa Miriek dan bahasa Miriek purba. Perubahan-perubahan ini menunjukkan proses perkembangan yang dilalui oleh bahasa Miriek, seiring dengan berlakunya perubahan masa, zaman dan juga faktor perbezaan latar geografi setiap varian bahasa Miriek tersebut.

Secara keseluruhannya, buku *Linguistik Bandingan Bahasa Miriek* ini membincangkan secara komprehensif tentang kewujudan bahasa Miriek, sebagai salah satu bahasa Austronesia yang terdapat di Sarawak, Malaysia. Penulisan bab satu buku ini disampaikan dengan cukup baik dan mampu memberikan informasi yang jelas kepada pembaca tentang apakah sebenarnya matlamat dan tugas dalam bidang ilmu linguistik bandingan. Selain itu, buku ini juga memberikan maklumat secukupnya tentang latar belakang bahasa Miriek dan penutur bahasa Miriek. Pembaca sebelum ini mungkin hanya mengetahui Miri sebagai satu kawasan geografi di Sarawak, namun mungkin belum pernah mengetahui bahawa terdapat satu bahasa etnik ataupun varian-varian bahasa etnik yang dituturkan oleh masyarakat peribumi di kawasan Miri, Sarawak. Justeru, pengenalan tentang latar belakang bahasa Miriek dalam buku ini sangat membantu pembaca untuk mengenali kewujudan bahasa peribumi ini dengan lebih lanjut.

Penulisan buku ini juga menampilkan kekuatan dari segi paparan hasil penyelidikan dari sudut teori dan aplikasi, ilmu linguistik bandingan ke atas bahasa Miriek. Walaupun buku ini sarat dengan pelbagai simbol teknikal bidang linguistik bandingan, yang mungkin asing bagi sesetengah pembaca luar bidang, namun penerangan penulis telah disampaikan dengan jelas. Sebagai contoh, penjelasan tentang kaedah-kaedah utama dalam kajian linguistik bandingan, khususnya dari aspek rekonstruksi fonem dan rekonstruksi leksikal ke atas bahasa Miriek, mahupun klasifikasi terhadap varian-varian Miriek dengan bahasa purbanya, keseluruhannya telah disampaikan dengan padat menerusi paparan data lapangan yang empirik dan perbincangan yang berpada. Menerusi perbincangan dalam buku ini juga, dapat difahami bahawa berlaku perkembangan dan perubahan dalam bahasa Miriek Purba, sehingga melahirkan varian-varian bahasa Miriek yang sekerabat, seperti yang wujud pada hari ini. Justeru buku ini dapat menambah khazanah ilmu penyelidikan linguistik Melayu, khasnya dokumentasi terhadap bahasa Austronesia yang terdapat di kepulauan Borneo. Sekaligus, penyelidikan terhadap bahasa Miriek yang dikemukakan dalam buku ini juga turut menyumbang kepada usaha pelestarian warisan budaya masyarakat peribumi di Sarawak.

Satu lagi keistimewaan dalam buku ini, iaitu dari aspek persembahan teknikal. Buku ini telah memaparkan sejumlah 411 leksikal yang meliputi kosa kata dasar bahasa Miriek, yang berkaitan waktu, bilangan, warna, alam sekitar, haiwan, anggota tubuh badan, kata ganti nama

dan kekerabatan serta peralatan kelengkapan rumah tangga. Data leksikal tersebut merupakan data mentah yang diperoleh secara langsung menerusi kajian lapangan di beberapa lokasi kampung di kawasan Miri. Senarai leksikal ini dikemukakan dalam bahagian lampiran buku ini, yang dipersembahkan dalam bentuk simbol fonetik, menerusi jadual perbandingan antara lima varian bahasa Miriek, berserta terjemahan maksudnya dalam bahasa Melayu. Lampiran leksikal bahasa Miriek ini sangat bermanfaat kepada pembaca untuk memahami dan melihat secara keseluruhan perbandingan leksikal dalam bahasa Miriek, dalam penyelidikan tersebut.

Kesimpulannya, buku ini merupakan hasil penyelidikan dan penelitian pengkaji dan pakar linguistik bandingan terhadap bahasa Miriek. Buku ini sangat bermanfaat sebagai sumber pengetahuan dan rujukan kepada para pembaca yang berminat atau ingin mendalami bidang kajian linguistik bandingan, khasnya golongan pelajar mahupun para pengkaji linguistik Melayu.

Kartini Abd. Wahab,
Kluster Melayu Polinesia,
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan
dan Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
kartini@ukm.edu.my